

08 JUN 1999

UMNO TIDAK AKAN GUNAKAN TAKTIK KOTOR, KATA NAJIB

MELAKA, 8 Jun (Bernama) -- Umno tidak akan menggunakan taktik-taktik kotor sebaliknya berhujah berasaskan kebenaran bagi menghadapi parti-parti pembangkang pada pilihan raya akan datang, kata Naib Presidennya Datuk Seri Najib Tun Razak.

" Kita boleh berhujah banyak perkara tanpa menggunakan taktik kotor dan bercakap kepada perkara yang sebenar," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis taklimat profesional guru dan pegawai pendidikan Melaka di Auditorium Al-Azim, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam bahawa pilihan raya akan datang ini akan menjadi yang terkotor dalam sejarah berdasarkan apa yang dilakukan oleh parti lawan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pilihan raya itu akan menjadi kotor kerana parti lawan menghalalkan perkataan-perkataan kesat, jijik, kotor dan mencarut dan mereka sudahpun memulakan cara-cara buruk itu dalam ceramah-ceramah mereka.

Najib berkata Umno akan bertindak balas terhadap pembangkang jika ia terus membuat fitnah dan tohmahan yang tidak berasas terhadap pemimpin dan kerajaan.

"Umno juga akan menggerakkan ceramah secara besar-besaran dan kecil-kecilan secara menyeluruh supaya rakyat tudak menganggap kerajaan hanya bersikap defensif terhadap segala tuduhan pembangkang itu," katanya.

Beliau berkata pembangkang lebih bersifat "pembunuhan peribadi" dalam dakyah mereka menerusi laman-laman web dan akhbar-akhbar milik mereka walaupun perkara itu tidak berasas sama sekali.

-- BERNAMA

NO NAK